



KOLEJ ANTARABANGSA UNIFIELD
LOT 25, JALAN KAUNSELOR 2, COLLEGE HEIGHTS GARDEN RESORT
71700 PAJAM, MANTIN

KENYATAAN MEDIA

KOLEJ ANTARABANGSA UNIFIELD
25 SEPTEMBER 2020
(dikeluarkan pada jam 12.57 petang)

MAKLUM BALAS KENYATAAN ‘ SESI TEMUDUGA PRA/ DIPLOMA DI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK DAN BANGUNAN YAYASAN SARAWAK PADA 26 DAN 27 SEPTEMBER 2020.’

Pemangku Ketua Eksekutif Kolej Antarabangsa Unifield, Puan Nabilah Binti Amin dengan ini menegaskan bahawa pihak kolej amat terkesan dengan cubaan untuk memburukkan nama baik Kolej Antarabangsa Unifield dan Universiti Teknologi Mara berkenaan dengan sesi temuduga yang dihebahkan di dalam media sosial dan ‘whatsapp’ yang dijangka akan dijalankan bertempat di Universiti Malaysia Sarawak dan Bangunan Yayasan Sarawak. Sesi temuduga ini adalah tidak benar dan palsu sama sekali . Hebahan ini adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab dan pihak kolej telah membuat satu laporan polis berkenaan hebahan sesi temuduga ini.

Adalah ditegaskan bahawa sebarang hebahan yang tidak bertanggungjawab dan tidak melalui pengurusan tertinggi Kolej Antarabangsa Unifield adalah tidak sah dan bukan daripada Bahagian Pemasaran yang dilantik oleh kolej.

Sebarang pertanyaan dan pengesahan juga boleh dilakukan menggunakan nombor telefon rasmi pihak kolej iaitu (+606) 7582589.

Kolej Antarabangsa Unifield

25 September 2020